

Remaja seronok berubah jadi hantu

GEORGETOWN – Ratusan remaja di Penang Times Square (PTS) secara tiba-tiba berubah menjadi hantu jadian.

Jam pada ketika itu menunjukkan ke angka 10 malam, namun sudah kelihatan pelbagai jenis hantu yang berkeliaran di merata-rata tempat.

Ada yang hampir terkeluar biji mata, berdarah sana sini, berpakaian koyak dan juga tidak ketinggalan ada yang menayangkan gigi mereka yang tajam.

Namun, ia hanya sementara, kerana kesemuanya menyertai Pertandingan Kostum Hantu Terbaik sempena Halloween Hunt di Penang Times Square.

Joshua Ng, 23, berkata, dia memilih untuk menjadi mumia kerana dikatakan makhluk yang paling misteri dalam dunia seram.

Menurutnya, dia mengambil masa kira-kira tiga jam bagi menyiapkan diri sepenuhnya sebelum bergelar hantu mumia.

“Sebanyak RM100 diperuntukkan oleh saya untuk membeli peralatan sementara menjadi mumia, dan kira-kira tiga meter kain diperlukan bagi membungkus saya.



■ Joshua (kanan) dan rakannya sedang sibuk bersiap sedia bagi menyertai Pertandingan Kostum Terbaik sempena Halloween.

“Pada saya mumia unik kerana dia masih boleh bangun walaupun sudah mati dan seni ikatan kain putih yang membalutnya juga bagi saya cantik dan aneh,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Dia berkata demikian ketika Program Halloween hits Penang Times Square (PTS) bertempat di PTS Jalan Datok Keramat.

Pengurus Komunikasi Korporat, D’Yani Ramoo berkata, ia adalah sambutan Halloween yang paling seram dan menakutkan yang dianjurkan PTS.

Menurutnya, bagi menghangatkan lagi malam misteri itu, Halloween Hunt juga diadakan dan para peserta merebut wang tunai RM1,000

bersama dengan baucer makan di Cititel dan juga sijil penyertaan.

“Tempat kedua dan ketiga pula masing-masing membawa pulang RM688 dan juga RM388 setiap satu kumpulan.

“Bukan itu sahaja, ada kumpulan yang membawa gelaran Pakaian Terbaik Halloween,” katanya.

Selain golongan dewasa dan remaja yang melaram dengan pakaian hantu mereka, golongan kanak-kanak turut tidak ketinggalan melaram dengan pakaian misteri masing-masing.

Bagi menghangatkan suasana kira-kira 150 motosikal dihimpunkan di sepanjang Dataran Chin Ho di PTS oleh Persatuan Kap Chai Pulau Pinang.